

15 FEB 2003

Raptai-NAM (Bergambar)/I

RAPTAI SIDANG KEMUNCAK NAM BERJALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Raptai Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berjalan lancar hari ini tanpa kesesakan jalan raya yang teruk atau masalah teknikal, kata pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Datuk Mohd Sidek Mohd Ali.

"Semuanya berjalan lancar dan kami hanya perlu memperbetulkan beberapa perkara khususnya dalam memastikan jemputan VIP tempatan tiba di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum pukul 8 pagi," kata beliau.

Mengenai latihan hari ini, Mohd Sidek berkata anggota polis trafik tidak menghadapi banyak masalah dalam memastikan semua VVIP dan rombongan mereka tiba di venue utama mengikut jadual.

"Kebimbangan utama kami ialah dalam mengurus aliran lalu lintas Isnin ini iaitu kali kedua raptai diadakan kerana ia akan menjadi ujian sebenar bagi anggota kami memandangkan hari Isnin adalah hari bekerja dan hari persekolahan di Wilayah Persekutuan," kata beliau.

Mohd Sidek memberitahu demikian kepada para pemberita selepas menghadiri taklimat khas mengenai keselamatan bagi sidang kemuncak itu di PWTC di sini, hari ini.

"Kami benar-benar berharap pengguna kenderaan khususnya mereka yang bekerja di pusat bandar akan mematuhi nasihat kami supaya sampai ke pejabat masing-masing seawal pukul 7.30 pagi atau menggunakan pengangkutan awam seperti LRT atau Putra yang banyak membantu dalam mengurangkan jumlah kenderaan di jalan-jalan raya sekitar PWTC dan jalan-jalan utama lain," kata beliau.

Lebih 8,000 anggota polis akan dikerah secara berperingkat mulai hari ini untuk bertugas di venue utama, hotel dan bahagian lain di bandar raya bagi memastikan Sidang Kemuncak NAM Ke-13 dari 20 hingga 25 Feb ini berjalan lancar.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Trafik Persekutuan SAC II Koh Hong Sun mengingatkan para pemandu kenderaan supaya mengambil perhatian bahawa Isnin ini, polis akan menutup sepenuhnya jalan-jalan utama dari Hotel Palace of Golden Horses ke PWTC dari pukul 8 hingga 9.30 pagi.

Antara jalan yang terlibat ialah Jalan Sg Besi, Jalan Istana, Jalan Mahameru, Jalan Kuching, Jalan Sultan Ismail, Jalan P.Ramlee dan jalan-jalan lain yang menuju ke kawasan sekitar PWTC.

Jalan-jalan yang sama juga akan ditutup dari pukul 6 petang hingga 8.30 malam Isnin ini bagi memudahkan anggota trafik mengadakan satu lagi latihan untuk membawa VVIP dan jemputan lain ke Palace of Golden Horses Hotel untuk menghadiri jamuan malam yang dinjurkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Feb.

-- BERNAMA

SAN RV SP PR